The shop overhang situation slightly improved as the numbers were reduced to 5,901 units with a value of RM5.21 billion, a drop of 5.3% in volume and 3.4% in value against H2 2023 (6,233 worth RM5.39 billion). Meanwhile, the unsold under construction and not constructed units saw the reverse, up by 9.8% to 3,131 units (H2 2023: 2,852 units) for the former and 28.7% to 587 units (H2 2023: 456 units) for the latter. Johor contributed more than 22.0% and 25.1% of shop overhang volume and value, respectively, amounting to 1,311 units with a total value of RM1.31

bilangan dan nilai kedai siap dibina tidak terjual, berjumlah 1,311 unit dengan nilai keseluruhan RM1.31 bilion. Pada catatan lebih baik, situasi kedai siap dibina tidak terjual di Johor menunjukkan prestasi yang lebih baik, apabila bilangan dan nilai menurun masing-masing sebanyak 13.6% dan 15.0%, berbanding H2 2023.

billion. On a better note, the situation of shop overhang in Johor shows better performance, as the volume and value declined by 13.6% and 15.0%, respectively, as compared to H2 2023.

Chart 18

Shop Market Status H1 2021 – H1 2024



	H1 2021	H2 2021	H1 2022	H2 2022	H1 2023	H2 2023	H1 2024
Overhang	6,844	6,612	6,796	6,720	6,362	6,233	5,901
Unsold Under Construction	4,361	3,899	3,045	2,777	2,767	2,852	3,131
Unsold Not Constructed	235	401	398	365	508	456	587

Aktiviti Pembinaan

Dari segi penawaran, aktiviti pembinaan adalah sederhana aktif dalam tempoh kajian. Mula dibina dan penawaran baharu dirancang meningkat sebanyak 41.9% kepada 2,163 unit dan 26.0% kepada 1,613 unit, manakala siap dibina menurun sebanyak 34.6% kepada 933 unit berbanding H1 2023. Sehingga akhir Jun, terdapat hampir 569,000 kedai sedia ada, dengan lebih daripada 25,000 unit dalam penawaran akan datang dan hampir 30,000 unit dalam penawaran yang dirancang.

Construction Activity

On the supply front, construction activity was moderately active in the review period. Starts and new planned supply increased by 41.9% to 2,163 units and 26.0% to 1,613 units, respectively, while completion declined by 34.6% to 933 units as compared to H1 2023. As of June-end, there were nearly 569,000 existing shops, with more than 25,000 units in the incoming supply and almost 30,000 units in the planned supply.

Chart 19

Shop Construction Activity H1 2020 - H1 2024



	H1 2020	H1 2021	H1 2022	H1 2023	H1 2024
New Planned Supply	1,054	1,041	1,268	1,280	1,613
Starts	1,854	1,130	1,270	1,618	2,163
Completion	1,542	1,364	1,771	1,427	933

Harga

Harga kedai secara amnya stabil, dengan beberapa prestasi bercampur-campur di kebanyakan negeri utama. Pergerakan positif direkodkan di beberapa lokasi yang strategik dan stabil di WP Kuala Lumpur, Selangor, dan Johor, manakala di Pulau Pinang kebanyakannya stabil. Mengikut jenis, kedai tiga tingkat di Desa Business Park, Taman Tun Dr. Ismail, Lucky Garden dan Taman Seri Rampai meningkat 5.6% hingga 10.6%, dipindahmilik daripada RM1.62 juta hingga RM6.65 juta. Harta tanah yang serupa juga menunjukkan peningkatan marginal di Klang dan Hulu Langat, Selangor dan Johor Bahru, Johor. Begitu juga, kedai dua tingkat di Johor, Selangor dan Pulau Pinang turut menyaksikan beberapa kenaikan harga, terutamanya yang terletak di kawasan komersial yang kukuh dengan rangkaian jalan raya yang efisien.

Price

The prices of shops are generally stable, with several mixed performances in most major states. Positive movements were recorded in several strategic and established locations in WP Kuala Lumpur, Selangor, and Johor, while in Pulau Pinang they were mostly stable. By type, three storey shops in Desa Business Park, Taman Tun Dr. Ismail, Lucky Garden, and Taman Seri Rampai increased by 5.6% to 10.6%, transacted from RM1.62 million to RM6.65 million. Similar properties also showed marginal increases in Klang and Hulu Langat, Selangor and Johor Bahru, Johor. Likewise, two storey shops in Johor, Selangor and Pulau Pinang also witnessed some price increases, particularly those located in established commercial areas served by efficient road linkages.

Sewa

Sewaan kedai tingkat bawah pada umumnya stabil, dengan beberapa pergerakan direkodkan di pusat bandar terpilih. Di Wilayah Tengah, WP Kuala Lumpur memperoleh sewa bulanan tertinggi dalam negara, dengan pada RM11,500 hingga RM30,000 sebulan. Sewaan di Daerah Petaling, Gombak, dan Hulu Langat menyaksikan pergerakan bercampur-campur. Taman Melawati di Gombak, merekodkan peningkatan sebanyak 8.8% dengan sewa bulanan antara RM4,800 hingga RM7,500 sebulan, manakala Bandar Tun Hussein Onn di Daerah Hulu Langat mengalami peningkatan ketara sebanyak 19.4% dan 21.4% disebabkan pembaharuan sewa. Di Bandar Baru Bangi, memperoleh kadar sewaan lebih tinggi, daripada RM3,000 hingga RM5,300 sebulan.

Di Wilayah Selatan, sewa kedai di tingkat bawah di Johor Bahru secara amnya stabil, kecuali di Jalan Wong Ah Fook, yang menyaksikan penurunan sedikit 3.4% dengan sewa bulanan antara RM7,500 hingga RM9,500 sebulan. Begitu juga di Melaka Tengah, sewa juga stabil antara RM1,200 hingga RM4,000 sebulan. Namun begitu, keadaan berbeza di Pulau Pinang; sewa bulanan berjaya memperoleh peningkatan kecil 2.2% hingga 6.2% di kawasan sekunder pusat bandar Seberang Perai Utara. Pada nota lebih baik, di Seberang Perai Tengah, kedai tingkat bawah di Pusat Perniagaan Seri Alma dan Taman Prominance menyaksikan kenaikan sewa masing-masing sebanyak 10.0% dan 14.7%, disebabkan pembaharuan sewa. Kedai baharu dengan reka bentuk moden, seperti Elevate @ Gravitas dan Juru Sentral, mencatatkan kadar sewa yang tinggi antara RM5,000 hingga RM9,000 sebulan.

Rental

Ground floor shop rentals were generally stable, with several movements recorded in selected urban centers. In the Central Region, WP Kuala Lumpur secured the highest monthly rental in the country, fetching at RM11,500 to RM30,000 per month. Rentals in Petaling, Gombak, and Hulu Langat District saw mixed movements. Taman Melawati in Gombak, recorded an increase of 8.8% with monthly rentals between RM4,800 and RM7,500 per month, while Bandar Tun Hussein Onn in Hulu Langat District experienced a significant increase of 19.4% and 21.4% due to rental renewal. In Bandar Baru Bangi, the rental secured a higher rate, ranging from RM3,000 to RM5,300 per month.

In the Southern region, rental for ground-floor shops in Johor Bahru is generally stable, except at Jalan Wong Ah Fook, which saw a slight decrease of 3.4% with monthly rental between RM7,500 and RM9,500 per month. Similarly, in Melaka Tengah, rental is also stable between RM1,200 and RM4,000 per month. Nevertheless, the situation differs in Pulau Pinang; monthly rentals manage to secure a marginal increase of 2.2% to 6.2% in the central town secondary area of Seberang Perai Utara. On a better note, in Seberang Perai Tengah, the ground-floor shop in Pusat Perniagaan Seri Alma dan Taman Prominance witnessed rental increases of 10.0% and 14.7%, respectively, due to rental renewal. New shops with modern designs, such as Elevate @ Gravitas and Juru Sentral, recorded high rental rates ranging from RM5,000 to RM9,000 per month.

2.2.2 Pangsapuri Khidmat

Transaksi

Prestasi pasaran untuk pangsapuri khidmat mencatat pertumbuhan kukuh pada H1 2024. Bilangan dan nilai transaksi meningkat sebanyak 47.4% dalam bilangan kepada 6,804 transaksi dan 68.5% dalam nilai kepada RM4.94 bilion, berbanding H1 2023 (4,616 transaksi bernilai RM2.93 bilion). Pangsapuri khidmat menyumbang masing-masing 31.6% dan 20.8% daripada bilangan dan nilai transaksi harta tanah komersial. Mengikut negeri, Johor dan WP Kuala Lumpur mendominasi aktiviti pasaran, menguasai 36.2% (2,465 transaksi) dan 33.0% (2,245 transaksi) daripada jumlah nasional.

Chart 20

Serviced Apartment Transaction Volume H1 2020 – H1 2024



Status Pasaran

Pada H1 2024, subsektor pangsapuri khidmat merekodkan 21,158 unit siap dibina tidak terjual dengan nilai RM17.47 bilion, peningkatan sekadar 1.6% dalam bilangan dan 5.1% dalam nilai, berbanding H2 2023 (20,825 unit tidak terjual dengan nilai RM16.63 bilion). Namun begitu, unit siap dibina tidak terjual ini hanya 18.9% daripada jumlah unit pangsapuri khidmat yang dilancarkan dalam negara. Mengikut julat harga, kebanyakan unit siap dibina tidak terjual berada dalam lingkungan harga melebihi RM500,000 hingga RM1 juta, mencakupi lebih 57.6% (12,181 unit) daripada jumlah keseluruhan, diikuti dengan julat harga melebihi RM1 juta, yang membentuk 25.1% lagi (5,310 unit).

Mengikut negeri, Johor merekodkan unit siap dibina tidak terjual tertinggi dalam negara, dengan 59.6% bahagian dalam bilangan (12,618 unit) dan lebih daripada 60.0% dalam nilai (RM10.83 bilion); hampir kesemua unit siap dibina tidak terjual ini berada di Daerah Johor Bahru (12,599 unit). WP Kuala Lumpur mengikuti dengan 21.3% (4,504 unit) dan 24.7% (RM4.31 bilion) masing-masing dalam bilangan dan nilai.

2.2.2 Serviced Apartment

Transaction

Market performance for serviced apartments recorded strong growth in H1 2024. The volume and value of transactions increased by 47.4% in volume to 6,804 transactions and 68.5% in value to RM4.94 billion, against H1 2023 (4,616 transactions worth RM2.93 billion). Serviced apartments contributed 31.6% and 20.8% of the commercial property transaction volume and value, respectively. By state, Johor and WP Kuala Lumpur dominated the market activity, capturing 36.2% (2,465 transactions) and 33.0% (2,245 transactions) each of the national total.

Chart 21

Serviced Apartment Transaction Value H1 2020 – H1 2024



Market Status

In H1 2024, the serviced apartment sub-sector recorded 21,158 overhang units with a value of RM17.47 billion, a mere increase of 1.6% in volume and 5.1% in value, against H2 2023 (20,825 overhang units with a value of RM16.63 billion). Nevertheless, this overhang units only captured 18.9% of the total serviced apartment units launched in the country. By price range, most of the overhang stood in price brackets above RM500,000 to RM1 million, accounting for more than 57.6% (12,181 units) of the total, followed by the price range above RM1 million, which formed another 25.1% (5,310 units).

By state, Johor recorded the highest overhang in the country, with 59.6% share in volume (12,618 units) and more than 60.0% in value (RM10.83 billion); almost all of these overhang units were in Johor Bahru District (12,599 units). WP Kuala Lumpur follows suit with 21.3% (4,504 units) and 24.7% (RM4.31 billion) in volume and value, respectively.

Begitu juga, dalam pembinaan belum terjual dan belum dibina belum terjual menyaksikan peningkatan bilangan, naik sebanyak 6.9% kepada 25,446 unit (H2 2023: 23,795 unit) dan 64.4% kepada 10,855 unit (H2 2023: 6,604 unit). Selangor memegang bilangan tertinggi unit dalam pembinaan belum terjual, dengan 36.5% bahagian (9,287 unit), diikuti WP Kuala Lumpur dengan 35.7% bahagian (9,072 unit).

Likewise, the unsold under construction and unsold not constructed saw increasing numbers, up by 6.9% to 25,446 units (Q4 2023: 23,795 units) and 64.4% to 10,855 units (H2 2023: 6,604 units). Selangor held the highest number of unsold under construction units, with 36.5% share in volume (9,287 units), followed by WP Kuala Lumpur with 35.7% share (9,072 units).

Chart 22

Serviced Apartment Market Status H1 2021 – H1 2024



	H1 2021	H2 2021	H1 2022	H2 2022	H1 2023	H2 2023	H1 2024
Overhang	24,064	24,295	22,674	23,978	22,497	20,825	21,158
Under Construction	42,358	42,094	39,609	33,101	29,528	23,795	25,446
Not Constructed	6,651	8,361	10,459	10,644	6,991	6,604	10,855

Chart 23

Serviced Apartment Market Status in Major States H1 2024



	WPKL	Selangor	Johor	Pulau Pinang
Overhang	4,504	2,177	12,618	270
Under Construction	9,072	9,287	3,519	381
Not Constructed	5,343	700	587	934

Aktiviti Pembinaan

Dari segi penawaran, aktiviti pembinaan menyaksikan pertumbuhan kukuh pada H1 2024. Siap dibina, mula dibina dan penawaran baharu dirancang meningkat lebih dua kali ganda masing-masing kepada 15,518 unit, 10,363 unit dan 13,311 unit. Sehingga akhir Jun, terdapat hampir 400,000 unit penawaran pangsapuri khidmat sedia ada, dengan lebih daripada 140,000 unit penawaran akan datang dan hampir 137,000 unit penawaran yang dirancang.

Construction Activity

On the supply front, construction activity saw strong growth in H1 2024. Completion, starts, and new planned supply increased by more than double to 15,518 units, 10,363 units, and 13,311 units, respectively. As of June-end, there were nearly 400,000 existing serviced apartment units, with more than 140,000 units in the incoming supply and almost 137,000 units in the planned supply.

Chart 24

Serviced Apartment Construction Activity H1 2020 - H1 2024



	H1 2020	H1 2021	H1 2022	H1 2023	H1 2024
New Planned Supply	5,489	7,339	6,022	2,842	13,311
Starts	11,224	21,278	6,982	4,967	10,363
Completion	4,393	4,030	9,677	7,684	15,518

Harga

Harga pangsapuri khidmat secara keseluruhannya stabil, dengan pertumbuhan positif direkodkan di skim yang strategik lengkap disediakan dengan akses yang baik, terutamanya di WP Kuala Lumpur dan Selangor. Harga pangsapuri khidmat di WP Kuala Lumpur berjaya memperoleh harga tertinggi dalam negara, seperti di Four Seasons Place, melebihi RM11 juta, manakala Pavilion Suites mencapai harga antara RM4.9 juta hingga RM6.5 juta. Selangor mengalami kenaikan harga di Petaling dan Hulu Langat, dipindahmilik kurang RM1 juta di Petaling, manakala harga bagi Hulu Langat berada dalam julat lebih rendah iaitu RM320,000 hingga RM530,000. Begitu juga di Johor dan Pulau Pinang, beberapa pergerakan harga direkodkan di Daerah Johor Bahru dan Timur Laut.

Sewa

Pasaran sewa pada umumnya stabil di semua negeri utama, dengan beberapa trend menaik disaksikan di beberapa skim. Peningkatan ini dinyatakan di lokasi yang terserlah dan strategik, iaitu 188 Suite, Arte Mont Kiara, dan KL Gateway, mencapai kenaikan sewa melebihi 12.0%. Begitu juga, di Johor Bahru, beberapa skim menikmati peningkatan sewa yang ketara lebih daripada 10.0% bagi unit yang terletak berhampiran pusat bandar dan dengan kebolehsampaian yang baik, seperti Citywoods Apartment dan Tri Tower Residences. Pulau Pinang juga mengalami pertumbuhan sewa dua angka yang sama, lebih daripada 14.0% di Setia Triangle, Barat Daya. Namun begitu, keadaan sewa berbeza di Selangor, kebanyakannya stabil dan berjaya memperoleh kenaikan marginal di beberapa skim. Purata pulangan sewa kasar bagi WP Kuala Lumpur dan Selangor berada dalam julat 1.4% hingga 7.7%, manakala pulangan sewa bagi Johor dan Pulau Pinang adalah antara 2.4% dan 6.6%.

Price

Prices of serviced apartments were stable on the whole, with positive growth recorded in strategic schemes served with good accessibility, particularly in WP Kuala Lumpur and Selangor. Prices for serviced apartments in WP Kuala Lumpur manage to secure the highest prices in the country, such as at Four Seasons Place, which exceeded RM11 million, while Pavilion Suites achieved price ranging between RM4.9 million and RM6.5 million. Selangor experienced price increases in Petaling and Hulu Langat, transacted below RM1 million in Petaling, while prices for Hulu Langat were in the lower range of RM320,000 to RM530,000. Likewise, in Johor and Pulau Pinang, a few price movements were recorded in Johor Bahru and Timur Laut Districts.

Rental

The rental market was generally stable in all major states, with some upward trend witnessed in a few schemes. The increases were noted in prominent and strategic locations, namely 188 Suite, Arte Mont Kiara, and KL Gateway, fetching rental increase exceeded 12.0%. Likewise, in Johor Bahru, several schemes enjoy significant rental appreciation of more than 10.0% for those located near urban centers and with good accessibility, such as Citywoods Apartment and Tri Tower Residences. Pulau Pinang also experienced similar double-digit rental growth, more than 14.0% in Setia Triangle, Barat Daya. Nevertheless, the rental situation differs in Selangor, which is mostly stable and manages to secure marginal increments in a few schemes. Average gross rental yields for WP Kuala Lumpur and Selangor were in the range of 1.4% to 7.7%, while rental yields for Johor and Pulau Pinang were between 2.4% and 6.6%.

2.2.3 Kompleks Perniagaan

Transaksi

Tempoh kajian merekodkan beberapa transaksi kompleks perniagaan dengan nilai terkumpul RM2.96 bilion; tiga di Selangor, dua di WP Kuala Lumpur, dan masing-masing satu di Pahang dan Pulau Pinang. Antara transaksi utama adalah seperti yang disenaraikan di bawah:

2.2.3 Shopping Complex

Transaction

The reviewed year recorded several shopping complex transactions with an accumulative worth of RM2.96 billion; three in Selangor, two in WP Kuala Lumpur, and one each in Pahang and Pulau Pinang. Among the major transaction are as listed below:

No	State	Property	Location	Transaction Year	Consideration (RM)
1	Selangor	Kelana Jaya Urban Centre	Kelana Jaya Urban Centre, Klang	2023	155,000,000
2	Selangor	GIANT Kinrara	Jalan BK 5A/1, Perumahan Kinrara	2023	130,000,000
3	Selangor	GIANT USJ	Persiaran Subang Permai, SS 13, Subang Jaya	2023	80,000,000
4	WP Kuala Lumpur	Brem Mall	Jalan Jambu Mawar, Jalan Kepong	2023	70,000,000
5	Pulau Pinang	Perda City Mall	Jalan Perda Timur, Bandar Perda	2024	160,000,000
6	Pahang	Temerloh Mall	Jalan Jaya, Off Jalan Tok Muda Awang	2023	25,750,000

Penghunian dan Ketersediaan Ruang

Prestasi kompleks perniagaan menyaksikan pertumbuhan sederhana pada H1 2024, apabila kadar penghunian meningkat sedikit kepada 78.1% (H1 2023: 76.6%). Terdapat 17.76 juta m.p. ruang niaga sedia ada direkodkan, didominasi oleh Selangor dan WP Kuala Lumpur dengan kadar penghunian masing-masing 81.2% dan 84.9%. Hanya lima negeri mencatatkan kadar penghunian melebihi 80.0%, manakala Negeri Sembilan dan Melaka mencatatkan antara kadar penghunian terendah dalam negara, masing-masing pada 67.9%, dan 63.1%.

Sejajar dengan itu, ketersediaan ruang berkurang kepada 3.89 juta m.p. (H2 2023: 4.00 juta m.p.) daripada 829 bangunan di seluruh negara. Kadar ketersediaan menurun seiring kepada 21.9%. Berdasarkan ketersediaan ruang, Selangor mencatatkan jumlah tertinggi dalam negara, menguasai 17.9% (741,956 m.p.) daripada jumlah keseluruhan, diikuti Johor dengan 694,903 m.p. dan WP Kuala Lumpur 522,755 m.p.

Occupancy and Space Availability

The performance of the shopping complex witnessed moderate growth in H1 2024, as the occupancy rate increased slightly to 78.1% (H1 2023: 76.6%). There were 17.76 million s.m. of existing retail space recorded, dominated by Selangor and WP Kuala Lumpur with occupancy rates of 81.2% and 84.9%, respectively. Only five states recorded occupancy rates of more than 80.0%, whilst Negeri Sembilan and Melaka recorded among the lowest occupancy rates in the country, at 67.9%, and 63.1%, respectively.

Correspondingly, the available space is reduced to 3.89 million s.m. (H2 2023: 4.00 million s.m.) from the 829 buildings throughout the country. The availability rate decreased in tandem to 21.9%. Based on the availability of space, Selangor recorded the highest number in the country, dominating 17.9% (741,956 s.m.) of the national total, followed by Johor with 694,903 s.m. and WP Kuala Lumpur 522,755 s.m.

Chart 25

Supply and Occupancy Rate of Shopping Complex H1 2022 – H1 2024



	H1 2022	H2 2022	H1 2023	H2 2023	H1 2024
Total Retail Space (Million s.m.)	17.36	17.51	17.44	17.69	17.76
Space Occupied (Million s.m.)	13.14	13.20	13.36	13.69	13.87
Occupancy Rate (%)	75.7	75.4	76.6	77.4	78.1

Chart 26

Supply and Occupancy of Shopping Complex by State H1 2024



Aktiviti Pembinaan

Terdapat empat kompleks baharu siap dibina dalam tempoh kajian, menambah lebih daripada 55,000 m.p. ruang niaga dalam pasaran. Selangor dan WP Kuala Lumpur mendominasi ruang niaga sedia ada, kedua-duanya menawarkan lebih 3.95 juta m.p. (155 bangunan) dan 3.44 juta m.p. (114 bangunan). Sehingga akhir Jun, terdapat 17.76 juta m.p. daripada ruang niaga sedia ada daripada 1,079 kompleks perniagaan, 33 lagi kompleks dengan 1.10 juta m.p. dalam penawaran akan datang, dan 9 kompleks dengan lebih daripada 0.35 juta m.p. dalam penawaran yang dirancang.

Construction Activity

There were four new complexes completed in the review period, adding more than 55,000 s.m. of retail space to the market. Selangor and WP Kuala Lumpur dominated the existing retail space, both offering more than 3.95 million s.m. (155 buildings) and 3.44 million s.m. (114 buildings), respectively. As of June-end, there were 17.76 million s.m. of existing retail space from 1,079 shopping complexes, another 33 complexes with 1.10 million s.m. in the incoming supply, and 9 complexes with more than 0.35 million s.m. in the planned supply.

Kompleks perniagaan berikut telah siap dibina pada H1 2024:

The following shopping complexes were completed in H1 2024:

State	Name of Complex	Location	Net Lettable Area (s.m)
WP Kuala Lumpur	Bloomsvale Mall	Jalan Puchong	27,871
Perak	Econsave Temasek	Jalan Kuala Kangsar, Ipoh	5,310
Terengganu	Pasar Payang Baru	Jalan Bandar, Kuala Terengganu	5,724
Kelantan	G-Orange Homemart	Bandar Gua Musang	16,603
Total	**4 complexes**		**55,508**

Sewa

Sewaan ruang niaga secara amnya stabil, dengan beberapa pergerakan menaik ditunjukkan di kompleks terpilih, terutamanya di Lembah Klang. Di WP Kuala Lumpur, beberapa pusat perniagaan menikmati peningkatan sewa yang ketara melebihi 11.0%, seperti The Intermark dan KL East Mall. Keadaan berbeza di Selangor, yang menunjukkan pertumbuhan sewa sederhana, kebanyakannya di Daerah Klang, iaitu di Klang Parade, Kompleks Shaw Centrepoint, dan GM Klang. Di Johor dan Pulau Pinang, sewaan sebahagian besarnya juga stabil, dengan kadar sewa yang tinggi direkodkan di Larkin Sentral, The Mall Mid Valley Southkey di Johor dan Gurney Paragon di Pulau Pinang.

Rental

Rentals of retail space were generally stable, with several upward movements shown in selected complexes, particularly in Klang Valley. In WP Kuala Lumpur, several shopping centers enjoy significant rental appreciation of more than 11.0%, such as The Intermark and KL East Mall. The situation differs in Selangor, which has shown moderate rental growth, mostly in Klang District, namely in Klang Parade, Shaw Centrepoint Complex, and GM Klang. In Johor and Pulau Pinang, rentals were also largely stable, with high rental rates charted in Larkin Sentral, The Mall Mid Valley Southkey in Johor, and Gurney Paragon in Pulau Pinang.

2.2.4 Pejabat Binaan Khas

Transaksi

Pada separuh pertama 2024, terdapat sembilan transaksi bangunan pejabat direkodkan dengan nilai terkumpul RM467.33 juta. Antara transaksi utama disenaraikan seperti di bawah:

2.2.4 Purpose-Built Office

Transaction

In the first half of 2024, there were nine office building transactions recorded with an accumulated value of RM467.33 million. Among the major transactions are as listed below:

No	State	Property	Location	Transaction Year	Consideration (RM)
1	WP Kuala Lumpur	Southbank Boutique Office	Southbank Residence, Leboh Ampang, Kuala Lumpur	2023	22,137,050
2	WP Kuala Lumpur	Wisma Rapid	Taman Tun Dr Ismail, Kuala Lumpur	2023	32,390,000
3	Selangor	Block 3517	Jalan Teknokrat 5, Cyberjaya	2023	22,600,000
4	Selangor	Jaya Square	Jalan SS 17/2, SS 17	2023	28,000,000
5	Selangor	Menara Serba Dinamik	Presint 3.4, Persiaran Perbandaran, Seksyen 14 Shah Alam	2023	38,000,000
6	Pulau Pinang	LHDN Building	Lebuh Sungai Pinang, Kawasan Jalan Sg Pinang	2023	174,099,000

Penghunian dan Ketersediaan Ruang

Prestasi keseluruhan segmen pejabat menyaksikan kadar penghunian hampir tidak berubah pada 78.2% berbanding H2 2023 (78.5%), tetapi lebih rendah sedikit daripada H1 2023 (79.0%). Pejabat binaan khas terdiri daripada 1,591 bangunan milik persendirian (18,756,588 m.p.) dan 1,013 bangunan milik awam (6,177,222 m.p.). Semua negeri memperoleh kadar penghunian yang lebih tinggi melebihi 80.0%, kecuali negeri-negeri utama WP Kuala Lumpur, WP Putrajaya dan Selangor.

Bagi bangunan pejabat persendirian, kadar penghunian purata berada pada 71.6%, lebih rendah sedikit daripada 72.4% (H1 2023). Terengganu memperoleh kadar penghunian yang lebih tinggi pada 92.0%, manakala Kuala Lumpur, Selangor dan Johor mencatatkan kadar penghunian yang lebih rendah daripada peringkat nasional masing-masing 70.0%, 71.2% dan 58.6%. Putrajaya mempunyai kadar penghunian terendah dalam negara (52.4%).

Occupancy and Space Availability

The overall performance of the office segment witnessed occupancy rates almost unchanged at 78.2% as compared to H2 2023 (78.5%), but slightly lower than H1 2023 (79.0%). The purpose-built office consists of 1,591 private-owned buildings (18,756,588 s.m.) and 1,013 public-owned buildings (6,177,222 s.m.). All states secured a higher occupancy rate of more than 80.0%, except WP Kuala Lumpur, Selangor, and Johor.

As for the private office buildings, the average occupancy rates stood at 71.6%, slightly lower than 72.4% (H1 2023). Terengganu secured a higher occupancy rate at 92.0%, while Kuala Lumpur, Selangor, and Johor recorded lower occupancy rates than the national level at 70.0%, 71.2%, and 58.6%, respectively. Putrajaya had the lowest occupancy rate in the country (52.4%).

Chart 27

Supply and Occupancy of Purpose-Built Office (Private & Government) H1 2022 – H1 2024



	H1 2022	H2 2022	H1 2023	H2 2023	H1 2024
Total Office Space (Million s.m.)	24.17	24.30	24.53	24.88	24.95
Occupied Space (Million s.m.)	18.80	19.07	19.37	19.54	19.52
Occupancy Rate (%)	77.7	78.5	79.0	78.5	78.2

Chart 28

Supply and Occupancy of Purpose-Built Office (Private & Government) by State H1 2024



Chart 29

Supply and Availability of Private Purpose-Built Office by State H1 2024



Aktiviti Pembinaan

Dari segi pembangunan, aktiviti pembinaan mencatat penurunan ketara bagi siap dibina. Hanya dua bangunan baru siap dibina direkodkan, menawarkan 56,948 m.p. jumlah ruang, lebih rendah daripada 60,990 m.p. yang direkodkan pada H1 2023. Sehingga akhir Jun 2024, terdapat sejumlah 24.93 juta m.p. ruang pejabat sedia ada daripada 2,604 bangunan, manakala 1.07 juta m.p. (41 bangunan) dalam penawaran akan datang dan hampir 0.94 juta m.p. (29 bangunan) dalam penawaran yang dirancang. WP Kuala Lumpur merupakan penyumbang utama ruang pejabat dengan 41.1% bahagian (10.26 juta m.p.) dalam pasaran sedia ada, 52.6% (0.56 juta m.p.) dalam penawaran akan datang, dan 81.2% dalam penawaran yang dirancang. Bangunan pejabat berikut telah siap dibina pada H1 2024:

Construction Activity

On the development front, construction activities recorded a sharp decline for completions. Only two new completions were recorded, offering a total space of 56,948 s.m., lower than 60,990 s.m. recorded in H1 2023. As at end of June 2024, there was a total of 24.93 million s.m. existing office space from 2,604 buildings, while another 1.07 million s.m. (41 buildings) in the incoming supply and nearly 0.94 million s.m. (29 buildings) in the planned supply. WP Kuala Lumpur is still the lead contributor for office space with a share of 41.1% (10.26 million s.m.) in the existing market, 52.6% (0.56 million s.m.) in the incoming supply, and 81.2% in the planned supply. The following office buildings were completed in H1 2024:

State	Name of Building	Location/ Mukim/ District	Category	Nett Lettable Area (s.m.)
WP Kuala Lumpur	Menara Felcra @ Semarak 20	Jalan Semarak	Private Building	19,788
Johor	Menara Bank Rakyat @ Coronation Square	Jalan Trus, Johor Bahru	Private Building	37,160
Total	**2 buildings**			**56,948**

Harga

Harga bagi unit pejabat berstrata di negeri-negeri utama secara amnya stabil di seluruh negeri dengan beberapa pengecualian. Di WP Kuala Lumpur, Bangsar South dan Boulevard berjaya memperoleh harga tertinggi yang dipindahmilik antara RM9,400 s.m.p. hingga RM11,968 s.m.p. Beberapa transaksi di Selangor menunjukkan trend yang sama seperti di 19 Sentral dan Melawati Corporation memperoleh harga lebih tinggi, dipindahmilik dalam lingkungan RM7,796 s.m.p. hingga RM9,464 s.m.p.

Price

The prices of stratified office units in major states were generally stable across the states, with several exceptions. In WP Kuala Lumpur, Bangsar South and Boulevard were secured to obtain the highest prices transacted between RM9,400 p.s.m. and RM11,968 p.s.m. Several transactions in Selangor has shown similar trend such as in 19 Sentral and Melawati Corporations obtained higher prices, transacted in the range of RM7,796 p.s.m. to RM9,464 p.s.m.

Sewa

Pasaran sewa ruang pejabat menyaksikan pergerakan bercampur-campur di bangunan terpilih, manakala sebahagian besar yang lain adalah stabil. Pasaran sewa pejabat di WP Kuala Lumpur mencatat pertumbuhan sewa sederhana lebih 6.0%, seperti di Menara Prestige, Campbell Complex dan The Horizon Bangsar South. Namun begitu, beberapa bangunan mengalami penurunan sewa lebih 10.0%, seperti Wisma Boustead dan Bangunan Serbaguna. Di Selangor, Johor dan Pulau Pinang, pasaran sewa ruang pejabat kekal stabil secara keseluruhan. Beberapa kenaikan sewa melebihi 5.0% dicatatkan di Johor Bahru, melibatkan beberapa tingkat seperti Menara Tabung Haji, Wisma Ang, Wisma Daiman, dan Medini 6 Iskandar Puteri. Sementara itu, di Pulau Pinang, beberapa bangunan pejabat, iaitu Wisma Pantai dan Wisma KWSP, menikmati pertumbuhan sewa marginal masing-masing sebanyak 7.1% dan 5.0%.

Rental

The office space rental market witnessed mixed movements in selected buildings, while others were largely stable. The office rental market in WP Kuala Lumpur charted modest rent growth of more than 6.0%, such as in Menara Prestige, Campbell Complex, and The Horizon Bangsar South. Nevertheless, several buildings experienced a rental decrease of more than 10.0%, such as Wisma Boustead and Multi Purpose Buildings. In Selangor, Johor, and Pulau Pinang, the office space rental market has remained stable across the board. Several rental appreciations of more than 5.0% charted in Johor Bahru, such as Menara Tabung Haji, Wisma Ang, Wisma Daiman, and Medini 6 Iskandar Puteri, involved several floors. Meanwhile, in Pulau Pinang, a few office buildings, namely Wisma Pantai and Wisma KWSP, enjoy marginal rental growth of 7.1% and 5.0%, respectively.

2.2.5 Harta Tanah Riadah

Transaksi

Beberapa transaksi harta tanah riadah direkodkan dalam tempoh kajian, dengan nilai terkumpul hampir RM517.99 juta. Transaksi harta tanah riadah terdiri daripada hotel, resort dan chalet. Antara transaksi utama adalah seperti yang disenaraikan di bawah:

2.2.5 Leisure Property

Transaction

Several leisure property transactions were recorded in the review period, with an accumulated worth of nearly RM517.99 million. The leisure property transactions include, hotels, resorts, and chalets. Among the major transactions are as listed below:

No	State	Property	Location	Transaction Year	Consideration (RM)
1	Johor	Hotel Eastmount	Kukup Laut, Pekan Kukup, Pontian	2023	2,900,000
2	Perak	Hotel Syuen	Jalan Sultan Abdul Jalil, Kinta	2024	55,000,000
3	WP Kuala Lumpur	W Hotel	Jalan Ampang	2023	270,000,000
4	Pulau Pinang	Hotel Courtyard	Jalan Macalister	2024	165,000,000
5	Terengganu	Gem Beach Resort	Jalan Kuala Terengganu – Batu Rakit	2023	10,850,000

Aktiviti Pembinaan

Aktiviti pembinaan berada pada tahap pemulihan apabila siap dibina meningkat berbanding tempoh yang sama tahun lepas, apabila tiada hotel siap direkodkan. Pada H1 2024, terdapat tiga hotel baharu siap dibina, menawarkan 637 bilik. Sebaliknya, penawaran baharu dirancang berkurang lebih daripada 50.0% kepada 327 bilik (H1 2023: 733 bilik), manakala tiada hotel mula dibina direkodkan. Sehingga akhir Jun 2024, terdapat 3,546 hotel/resort di seluruh negara yang menawarkan 277,019 bilik; 81 lagi hotel/resort (17,038 bilik) dalam penawaran akan datang, dan 65 hotel/resort (13,380

Construction Activity

Construction activities were on a recovery note. Completions increased as compared to a similar period last year, with no hotel completions recorded. In H1 2024, there were three new hotels completed, offering 637 rooms. In contrast, the new planned supply contracted by more than 50.0% to 327 rooms (H1 2023: 733 rooms), while no hotel starts were recorded. As of end of June 2024, there were 3,546 hotels/resorts across the country offering 277,019 rooms; another 81 hotels/resorts (17,038 rooms) in the incoming supply, and 65 hotels/resorts (13,380 rooms)

bilik) diperingkat penawaran yang dirancang. Hotel/resort yang baharu siap dibina pada H1 2024 adalah seperti berikut:

in the planned supply stage. The newly completed hotels/resorts in H1 2024 are as follows:

State	Name of Hotels/Resorts	Number of Rooms
Johor	Permas City Hotel	150
Sabah	Kapalai Hotel	199
	Citadines Waterfront Kota Kinabalu	288
TOTAL	**3 Hotels/Resorts**	**637**

2.3 HARTA TANAH INDUSTRI

Transaksi

Subsektor industri merekodkan peningkatan dalam aktiviti pasaran. Terdapat 3,822 transaksi bernilai RM13.50 bilion direkodkan pada separuh pertama 2024. Berbanding tempoh yang sama tahun lepas, aktiviti pasaran meningkat sedikit 2.3% dalam bilangan dan 23.4% dalam nilai (H1 2023: 3,735 transaksi bernilai RM10.94 bilion). Selangor terus mendominasi pasaran, dengan 34.1% (1,302 transaksi) daripada jumlah transaksi negara, diikuti Johor (19.2%), Sarawak (7.4%), dan Perak (7.1%). Prestasi mengikut jenis menyaksikan kilang teres membentuk 32.3% (1,233 transaksi), diikuti oleh plot kosong, yang menguasai 26.6% lagi daripada bilangan industri.

2.3 INDUSTRIAL PROPERTY

Transaction

Industrial sub-sector recorded an increase in market activity. There were 3,822 transactions worth RM13.50 billion recorded in the first half of 2024. Compared to a similar period last year, market activity slightly increased by 2.3% in volume and 23.4% in value (H1 2023: 3,735 transactions worth RM10.94 billion). Selangor continued to dominate the market, with 34.1% (1,302 transactions) of the national transaction volume, followed by Johor (19.2%), Sarawak (7.4%), and Perak (7.1%). Performance by type witnessed terraced factories making up 32.3% (1,233 transactions), followed by vacant plots, which dominated another 26.6% of the total industrial volume.

Chart 30

Industrial Transactions Volume H1 2020 – H1 2024



Chart 31

Industrial Transactions Value H1 2020 – H1 2024



Status Pasaran

Keadaan industri siap dibina tidak terjual bertambah baik pada H1 2024 apabila bilangannya semakin berkurangan. Bilangan dan nilai siap dibina tidak terjual menunjukkan penurunan masing-masing sebanyak 7.7% dan 7.0% kepada 746 unit siap dibina tidak terjual dengan jumlah nilai RM0.78 bilion (H2 2023: 808 unit siap dibina tidak terjual bernilai RM0.84 bilion). Sebaliknya, unit dalam pembinaan belum terjual mencatat bilangan lebih tinggi, berjumlah 621 unit, melebihi daripada yang direkodkan pada H2 2023 (457 unit).

Market Status

The industrial overhang situation improved in H1 2024 as the numbers gradually decreased. The overhang volume and value indicate a decrease of 7.7% and 7.0% to 746 overhang units with a total value of RM0.78 billion, respectively (H2 2023: 808 overhang units worth RM0.84 billion). In contrast, the unsold under construction units recorded higher, amounting to 621 units, more than recorded in H2 2023 (457 units).

Unit siap dibina tidak terjual mengikut negeri, Sarawak memegang sebahagian besar unit tidak terjual, mendominasi 42.8% bahagian, diikuti Johor (15.7%) dan Perak (10.5%). Mengikut jenis, kilang teres dan berkembar membentuk sebahagian besar daripada unit siap dibina tidak terjual; masing-masing menyumbang lebih 60.0% dan 31.0%. Sebahagian besar daripada siap dibina tidak terjual bagi unit teres adalah di Kuching, Sarawak, menyumbang lebih daripada 25.0% (190 unit), dengan harga antara RM300,001 hingga RM400,000 dan daripada RM500,001 hingga RM600,000. Sementara unit berkembar mendominasi julat harga melebihi RM1 juta, menguasai 21.4% (160 unit) daripada jumlah siap dibina tidak terjual.

Overhang by state, Sarawak held most of the overhang units, dominating with a 42.8% share, followed by Johor (15.7%) and Perak (10.5%). By type, terraced and semi-detached factories formed the bulk of the overhang; each contributed more than 60.0% and 31.0%, respectively. Most of the overhang for terraced units are in Kuching, Sarawak, contributing more than 25.0% (190 units), with prices ranging from RM300,001 to RM400,000 and from RM500,001 to RM600,000. While semi-detached units dominated the price range above RM1 million, capturing 21.4% (160 units) of the overhang total.

Chart 32

Industrial Market Status H1 2021 – H1 2024



	H1 2021	H2 2021	H1 2022	H2 2022	H1 2023	H2 2023	H1 2024
Overhang	1,311	1,130	1,071	880	819	808	746
Under Construction	601	654	504	450	397	457	621
Not Constructed	100	22	43	51	112	22	0

Aktiviti Pembinaan

Dari segi pembinaan, subsektor industri kekal rendah. Siap dibina merekodkan 149 unit, mula dibina 301 unit, dan penawaran baharu dirancang 148 unit, masing-masing menunjukkan penurunan berbanding H1 2023. Sehingga Jun 2024, terdapat lebih daripada 122,000 unit industri sedia ada, dengan hampir 4,000 unit dalam penawaran akan datang dan lebih daripada 6,000 unit dalam penawaran yang dirancang. Selangor mendahului semua peringkat pembangunan; penawaran sedia ada, penawaran akan datang dan penawaran yang dirancang, masing-masing menyumbang 34.9%, 31.9% dan 31.8%.

Construction Activity

On the construction front, the industrial sub-sector remains in a low-tone. Completions recorded 149 units, starts 301 units, and new planned supply 148 units, each showing a decline against H1 2023. As of June 2024, there were more than 122,000 existing industrial units, with nearly 4,000 units in the incoming supply and more than 6,000 units in the planned supply. Selangor leads all the development stages; existing stock, incoming supply, and planned supply, contributing 34.9%, 31.9%, and 31.8% respectively.

Chart 33

Industrial Construction Activity H1 2020 – H1 2024



	H1 2020	H1 2021	H1 2022	H1 2023	H1 2024
New Planned Supply	138	306	118	478	148
Starts	292	300	265	413	301
Completion	159	143	118	260	149

Harga

Harta tanah perindustrian telah menunjukkan peningkatan di seluruh negeri, dengan beberapa kenaikan disaksikan untuk kilang teres. Trend menaik ini boleh dikaitkan dengan peningkatan permintaan untuk gudang dan storan disebabkan oleh pengembangan e-dagang. Harga harta tanah industri di WP Kuala Lumpur dan Selangor menunjukkan trend yang lebih stabil. Di Selangor, kilang teres satu setengah tingkat di Bandar Baru Sri Damansara di Petaling, Taman Perindustrian Meda di Gombak, dan Bandar Teknologi di Hulu Langat menikmati peningkatan modal lebih daripada 7.0%, dengan harga dipindah milik antara RM1.20 juta hingga RM1.97 juta. Begitu juga di Pulau Pinang, jenis harta tanah serupa di Seberang Perai Utara juga mencatat pergerakan menaik sedikit melebihi 3.5% di Kawasan Perindustrian Ringan Usahajaya, Taman Industri Machang Indah, dan Taman Nagasari, dipindah milik pada harga antara RM398,000 hingga RM840,000.

Price

The industrial property has shown an improvement across the states, with some increments witnessed for terraced factories. The upward trend could be attributed to growing demand for warehouses and storage due to the expansion of e-commerce. Prices of industrial property in WP Kuala Lumpur and Selangor showed a more stable trend. In Selangor, one and a half story terraced factories at Bandar Baru Sri Damansara in Petaling, Meda Industrial Park in Gombak, and Bandar Teknologi in Hulu Langat enjoy capital appreciation of more than 7.0%, with prices transacted ranging between RM1.20 million and RM1.97 million. Likewise, in Pulau Pinang, similar property types in Seberang Perai Utara also recorded a slight upward movement above 3.5% in Kawasan Perindustrian Ringan Usahajaya, Taman Industri Machang Indah, and Taman Nagasari, transacted at prices ranging from RM398,000 to RM840,000.

2.4 HARTA TANAH PERTANIAN

Transaksi

Subsektor pertanian mencatat 38,827 transaksi bernilai RM9.73 bilion, meningkat sebanyak 6.5% dalam bilangan dan 37.8% dalam nilai berbanding H1 2023 (36,447 transaksi bernilai RM7.06 bilion). Dari segi sumbangan kepada pasaran keseluruhan, subsektor ini dikedudukan kedua dengan 19.5% bahagian, manakala hanya 9.2% daripada jumlah nilai transaksi.

2.4 AGRICULTURE PROPERTY

Transaction

The agriculture sub-sector recorded 38,827 transactions worth RM9.73 billion, which increased by 6.5% in volume and 37.8% in value as compared to H1 2023 (36,447 transactions worth RM7.06 billion). In terms of contribution to the overall market, the sub-sector ranked second with 19.5% share, while contribution was only 9.2% of total transaction value.

Prestasi mengikut negeri menyaksikan Kedah dan Perak menyumbang bilangan pasaran lebih tinggi, dengan setiap negeri menyumbang 17.8% (6,903 transaksi) dan 15.6% (6,065 transaksi) daripada jumlah keseluruhan negara. Dari segi nilai, Johor mendahului pasaran dengan 24.6%, diikuti Selangor (18.0%). Terdapat 29 transaksi tanah ladang bernilai RM1.63 bilion. Lima belas di Sabah, tiga di Selangor, masing-masing dua di Kedah, Perak, Pahang dan Sarawak, dan satu di Johor, Negeri Sembilan, dan Melaka. Daripada 29 transaksi, lapan tanah ladang telah dimuktamadkan pada H1 2024, 16 tanah ladang telah dijual pada tahun 2023, dan lima lagi tanah ladang dijual pada tahun 2022, kedua-duanya direkodkan dalam tempoh kajian.

Performance by states saw Kedah and Perak contribute higher market volumes, with each state accounting for 17.8% (6,903 transactions) and 15.6% (6,065 transactions) of the national total. In terms of value, Johor leads the market with 24.6%, followed by Selangor (18.0%). There were 29 estate land transactions worth RM1.63 billion. Fifteen in Sabah, three in Selangor, two each in Kedah, Perak, Pahang and Sarawak, and one each in Johor, Negeri Sembilan, and Melaka. Out of 29 transactions, eight estate lands were concluded in H1 2024, 16 estate lands were sold in 2023, and another five estate lands were sold in 2022; both were recorded in the review period.

Chart 34

Agriculture Transaction Volume Trend H1 2020 – H1 2024



Chart 35

Agriculture Transaction Value Trend H1 2020 – H1 2024



Harga

Harga tanah pertanian secara amnya stabil, dengan kenaikan direkodkan di lokasi strategik yang mempunyai akses yang baik serta berdekatan dengan kawasan pembangunan. Di Wilayah Utara, tanah kelapa sawit di Kinta menyaksikan peningkatan lebih tinggi melebihi 10.0%, dipindahmilik daripada RM163,000 hingga RM235,000 sehektar. Di Wilayah Selatan, tanah kelapa sawit juga mencatat pergerakan positif di Johor, meningkat antara 2.4% hingga 7.9%, kebanyakannya di Kluang, Muar, dan Tangkak, dengan harga antara RM150,000 hingga RM512,000 sehektar. Di Kedah, harga tanah getah secara amnya stabil, dengan harga lebih tinggi direkodkan di Kuala Muda, iaitu antara RM441,000 hingga RM667,000 sehektar. Manakala di Johor, tanah pedalaman getah di Segamat meningkat sebanyak 4.5% dan 6.9%, dipindahmilik antara RM217,000 dan RM259,000 sehektar. Tanah pedalaman padi dua kali tanaman di Kulim juga memperoleh harga yang lebih tinggi, dipindah milik antara RM259,000 hingga RM444,000 sehektar, manakala di Kubang Pasu, dipindah milik antara RM185,000 dan RM236,000 sehektar.

Price

Prices of agricultural land were generally stable, with increases recorded in strategic locations with good accessibility as well as those nearby development areas. In the Northern Region, oil palm lands in Kinta witnessed higher increases by more than 10.0%, transacted from RM163,000 to RM235,000 per hectare. In the Southern Region, oil palm lands also recorded a positive movement in Johor, increasing between 2.4% and 7.9%, mostly in Kluang, Muar, and Tangkak, with prices ranging from RM150,000 to RM512,000 per hectare. In Kedah, prices of rubber lands were generally stable, with higher prices recorded in Kuala Muda, which ranged from RM441,000 to RM667,000 per hectare. While in Johor, interior rubber lands in Segamat rose by 4.5% and 6.9%, transacted between RM217,000 and RM259,000 per hectare. The interior double-cropped paddy lands in Kulim also secured a higher price, transacted between RM259,000 and RM444,000 per hectare, while in Kubang Pasu, were transacted between RM185,000 and RM236,000 per hectare.

3.0 KESIMPULAN

Prestasi pasaran harta tanah pada separuh pertama 2024 terus bertambah baik, didorong oleh aktiviti pasaran yang lebih kukuh, peningkatan dalam status pasaran dan aktiviti pembinaan yang menggalakkan. Pengukuhan aktiviti pasaran didorong oleh prestasi transaksi yang positif di semua subsektor, disokong oleh pelbagai inisiatif yang digariskan oleh kerajaan di bawah Bajet 2024, termasuk menyediakan jaminan sehingga RM10 bilion di bawah Skim Jaminan Kredit Perumahan (SJKP) dan perlanjutan tempoh pengecualian duti setem bagi dokumen pindah milik harta tanah bagi pembelian rumah kali pertama bernilai RM500,000 dan ke bawah sehingga Disember 2025.

Kerajaan telah memperkenalkan beberapa usaha serta projek pemangkin untuk memacu ekonomi tempatan di samping merangsang pengembangan pasaran harta tanah. Ini termasuk menambah baik fleksibiliti syarat-syarat permohonan bagi program Malaysia Rumah Keduaku (MM2H), membangunkan Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ), dan mewujudkan Zon Kewangan Khas di Forest City. Sebagai tambahan bagi memperkukuh permintaan harta tanah yang positif adalah kesan daripada pembangunan seperti projek Rapid Transit Link (RTS) di Johor, Laluan Rel Pantai Timur (ECRL), dan projek Lebuhraya Pan Borneo di Sabah dan Sarawak.

Peluasan sektor e-dagang, projek perindustrian utama di Wilayah Utara, dan Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP) 2030 dijangka menggalakkan prestasi pasaran harta tanah perindustrian serta menjadi pemangkin kepada pasaran harta tanah yang lebih kukuh.

3.0 CONCLUSION

The performance of the property market in the first half of 2024 continue to improve, driven by stronger market activity, an improvement in market status, and encouraging construction activity. The strengthening of market activity was driven by a positive performance of transactions in all subsectors, supported by various initiatives outlined by the government under Budget 2024, including providing guarantees of up to RM10 billion under Skim Jaminan Kredit Perumahan (SJKP) and the extension of the stamp duty exemption period for property transfer documents for the purchase of first-time home buyers valued at RM500,000 and below until December 2025.

The government has introduced several efforts and catalytic projects to drive the local economy while simultaneously stimulating the development of the property market. These include improving the flexibility of application requirements for the Malaysia My Second Home (MM2H) program, developing the Johor-Singapore Special Economic Zone (JS-SEZ), and establishing a Special Financial Zone in Forest City. Additionally, bolstering demands for property are positive, impact of developments such as the Rapid Transit Link (RTS) project in Johor, the East Coast Rail Link (ECRL), and the Pan Borneo Highway project in Sabah and Sarawak.

The expansion of the e-commerce sector, major industrial projects in the Northern Region, and the New Industrial Master Plan (NIMP) 2030 are expected to promote the performance of the industrial property market as well as serves as a catalyst for a stronger property market.

JADUAL GAMBARAN KESELURUHAN
OVERVIEW TABLE

JABATAN PENILAIAN & PERKHIDMATAN HARTA

Jadual I / *Table I*
Penunjuk Utama Ekonomi Malaysia
Key Indicators of the Malaysian Economy

Pendapatan Negara dan Pengeluaran Dalam Negeri	2022 RM Bilion/ RM Billion	2022 % Pertumbuhan Growth	2023		H1 2024[P]		National Income and Domestic Poduct
Jumlah Penduduk ('000)	32.60	2.5	33.40	2.1	34.10	1.9	***Total Population ('000)***
Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) (pada harga malar 2015)	1,514.10	8.9	1,568.00	3.6	798.20	5.1	***Gross Domestic Product (GDP) (2015 constant prices)***
Sektor Utama yang menyumbang kepada KDNK							***Key Sectors Contributing to GDP***
• Pertanian	100.10	1.3	100.80	0.7	48.80	4.5	• Agricultural
• Perlombongan dan kuari	97.00	3.5	97.50	0.5	50.00	4.2	• Mining and quarrying
• Pembuatan	364.10	8.1	366.70	0.7	185.10	3.3	• Manufacturing
• Pembinaan	53.40	5.1	56.70	6.1	31.70	14.6	• Construction
• Perkhidmatan	882.70	11.0	927.90	5.1	473.60	5.4	• Services
- Utiliti (Elektrik, gas)	31.31	3.7	31.99	2.2	16.75	7.4	- Utilities
- Pengangkutan dan penyimpanan	55.15	29.4	62.78	13.8	33.86	10.8	- Transport and storage
- Maklumat dan komunikasi	99.28	5.0	102.83	3.6	52.63	3.0	- Wholesale, and retail trade
- Perdagangan borong dan runcit	110.15	3.8	115.28	4.7	69.89	8.0	- Wholesale, and retail trade
- Penginapan	8.56	132.3	11.05	29.2	6.03	12.4	- Accommodation
- Kewangan dan insurans	79.35	2.6	78.69	-0.8	14.04	14.2	- Finance and insurance
- Harta tanah dan perkhidmatan perniagaan	20.08	29.9	20.94	4.2	26.92	19.2	- Real estate and business services
- Perkhidmatan kerajaan	137.44	4.5	143.87	4.7	72.06	4.7	- Government services
- Perkhidmatan-perkhidmatan lain	45.92	11.8	48.34	5.3	25.02	4.5	- Other services
Pendapatan Negara Kasar (KNK) (pada harga semasa)	1,737.0	15.3	1,770.0	1.9	913.0	5.8	***Gross National Income (GNI) (at current prices)***
Pendapatan Negara Kasar (KNK) (pada harga tetap 2015)	1,484.0	8.30	1,543.1	4.0	789.7	5.1	***Gross National Income (GNI) (2015 constant prices)***
Guna Tenaga dan Buruh Tenaga buruh ('000)	15,769.7		16,366.8		17,148.9		***Employment and Labour*** *Labour force (thousand)*
Penduduk bekerja ('000)	15,155.2		15,813.4		16,591.2		*Employment (thousand)*
Kadar pengangguran (%)	3.9		3.4		3.3		*Unemployment rate (%)*
Indeks Harga Pengguna	127.2		130.4		132.3		
Kadar Inflasi (% perubahan)	3.3		2.5		1.8		

[P] Data Awalan (Preliminary)

Sumber: Unit Perancang Ekonomi
Jabatan Perangkaan Malaysia
Kementerian Sumber Manusia Malaysia

Sumber: Bank Negara Malaysia

Source: Economic Planning Unit
